

KATA PENDAHULUAN

Kita sedang memasuki satu zaman pembangunan yang baharu, penoh dengan keazaman bagi menghadapi chabaran² masa ini dan mewujudkan sa-buah negara Malaysia yang tegoh dan bersatu padu dalam keadaan yang sentiasa maju dan mewah. Satu chara pembangunan baharu yang mencherminkan keazaman ini dan dasar² dan ranchangan² yang meliputi-nya, ada-lah terkandung dalam Ranchangan Malaysia Kedua.

Ranchangan ini ada-lah hasil dari satu kajian yang mendalam di-buat dalam dua tahun yang lalu, berdasarkan kapada alasan² pokok dan keutamaan² pembangunan. Matlamat², keutamaan² dan strateji² Ranchangan tersebut ada-lah di-bentok selaras dengan tujuan besar untok memupok perpaduan negara. Apa yang kita dapati sekarang ia-lah satu ranchangan yang tegas dan meninjau ka-hadapan untok mengendali soal² ekonomi dan masharakat yang di-hadapi oleh negara—satu Ranchangan yang berdasar-kan kapada beberapa ketegohan dan kejayaan usaha pembangunan Malaysia, yang di-gubal untok membetulkan kemundoran yang di-dapati dan sama sekali sedia menampong perubahan keperluan² dan keadaan².

Ranchangan ini ia-lah satu panduan berasaskan Dasar Ekonomi Baharu Kerajaan. Ia-nya mengandongi dua matlamat untok membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun sa-mula masharakat Malaysia dengan tujuan mengurangkan dan lama kelamaan menghapuskan sama sekali per-samaan kaum dengan fungsi² ekonomi. Untok menchapai matlamat ini, Ranchangan tersebut mengandongi beberapa strateji baharu, keutamaan² dan ranchangan². Khusus-nya, Kerajaan akan mengambil peranan yang bertambah aktif dan dengan sechara langsung dalam bidang perusahaan dan perdagangan, supaya memberi sumbangan yang berma'ana bagi men-jayakan matlamat² ekonomi dan masharakat.

Ranchangan Malaysia Kedua ada-lah satu ranchangan pembangunan yang terbesar dan yang penoh dengan keazaman pernah di-jalankan di-negeri ini. Dari segi kerja² yang harus di-lakukan dan juga tenaga manusia dan punch² kewangan yang mustahak di-adakan, ia-nya memastikan usaha² yang lebeh besar daripada dahulu. Dalam usaha² ini, ada beberapa peranan penting yang mesti di-jalankan oleh badan² awam, pihak swasta dan juga oleh tiap² orang perseorangan dari semua gulongan dan peringkat.

Bagi pihak Kerajaan, ia akan memainkan peranan yang penting untuk menentukan bahawa usaha² yang perlu akan di-ujudkan. Ia-nya dengan bersungguh² dan sedaya upaya akan memupokkan perpaduan negara dan membangunkan sa-buah masyarakat Malaysia yang adil dan progresif di-dalam keadaan ekonomi yang berkembang supaya tidak sa-orang pun akan mengalami apa² kerugian atau merasai bahawa hak asasi, keistimewaan², pendapatan, pekerjaan dan peluang²-nya di-ambil dari milek-nya. Pihak swasta juga di-minta memikul tanggung-jawab mereka buat memenuhi tujuan² negara ini.


Segala ra'ayat dari semua kaum dan golongan² masyarakat hendak-lah menganggapkan Rancangan Malaysia Kedua ini sebagai satu peluang yang besar untuk bersama² menyertai dalam proses perubahan masyarakat dan pembentukan satu negara. Ini-lah masa-nya yang sangat penting bagi tiap² ra'ayat, samaada mereka itu ahli politik, kakitangan Kerajaan, petani, majikan, pekerja, ahli kesatuan buruh atau pun wartawan, bekerjasama dengan lebih lagi dari masa² yang lalu untuk menentukan kesejahteraan dan kemajuan masyarakat dan negara seluruh-nya. Kerajaan berazam supaya Rancangan ini berjaya dan pada akhir kata, ia-nya akan berjaya hanya dengan ada-nya sokongan dan sambutan yang kuat dan patoh dari ra'ayat jelata.

Untuk menchapai matlamat perpaduan negara keseluruhan-nya, Malaysia berkehendakkan bukan hanya setakat kadar perkembangan ekonomi yang tinggi. Dalam usaha menumpukan tenaga bagi menchapai pembangunan ekonomi yang chepat, kita terpaksa sama sekali menentukan ada-nya keadaan masyarakat yang adil, pembahagian pendapatan yang saksama dan peluang² bekerja yang bertambah.

Kerajaan sedar akan masalah² rumit yang di-hadapi untuk menchapai matlamat² ini. Ada-lah di-sedari bahawa masalah² tersebut tidak akan dapat di-selesaikan dengan sepenoh-nya dalam masa satu Rancangan lima tahun sahaja. Rancangan Malaysia Kedua hanya merupakan satu peringkat penting dalam rancangan yang panjang untuk menchapai penukaran rangka masyarakat dari segi pengeluaran dan pembahagian yang akan membawa kepada pembahagian pendapatan dan harta yang lebih saksama, pembangunan daerah yang sa-imbang, peluang² bekerja yang bertambah dan keadaan ekonomi yang stabil. Rancangan ini juga bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat Melayu dan bumiputra² yang lain dalam bidang perdagangan dan perusahaan yang maju dan dinamis, dan dengan itu menaja satu golongan ra'ayat Malaysia yang baharu, hidup dan bekerja dengan bersatu padu untuk berkhidmat kepada negara dengan tidak berbelah bahagi.

Ranchangan ini mesti di-jayakan kerana ini amat-lah penting kepada usaha mengekalkan sa-buah negara yang progresif, aman dan bersatu padu. Ini-lah satu chabaran yang kita mesti hadapi, satu peluang yang kita mesti rasai, dan satu tanggong-jawab yang kita mesti pikul bersama. Ia-nya memerlukan dari kita semua satu usaha yang penoh keazaman, semangat yang jujur, berdisiplin, pengorbanan dan berdikari untuk menjayakan matlamat tersebut. Ada-lah tanggong-jawab kita semua supaya memahami tujuan², dasar² dan ranchangan² dalam Ranchangan ini supaya kita dapat bersama² menjalankan peranan masing² dari segi perlaksanaan dan menentukan kejayaan Ranchangan ini.

Semasa membentangkan Ranchangan ini kepada Parlimen untuk mendapat persetujuan dan penerimaan ra'ayat dan negara, saya suka mengucapkan penghargaan yang tinggi atas segala kerja² yang baik yang telah di-jalankan oleh semua pihak dalam masa menggubal Ranchangan ini. Khusus-nya, saya mengucapkan terima kaseh kepada Ahli² Juma'ah Menteri saya, Pengerusi dan ahli² Jawatankuasa Peranchang Pembangunan Negara dan pegawai² di-peringkat Persekutuan dan Negeri serta pegawai² badan² berkanun. Wakil² dari parti politik dan profesional yang bertugas di-dalam Majlis Perundingan Negara serta pihak swasta, termasuk juga penasehat² dan Rombongan Ekonomi Bank Dunia, yang telah memberi pandangan² yang membena dan chadangan² dan juga bantuan² yang sangat di-hargai dalam penyediaan Ranchangan ini.



(TUN ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN),
Perdana Menteri, Malaysia

KUALA LUMPUR,
25hb Jun, 1971.